

SEMINAR KEBANGSAAN PEMANTAPAN AMALAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERKESAN BAHASA MELAYU

Tarikh
16 - 20 September 2012

Tempat
Merdeka Palace, Kuching, Sarawak

KERTAS KERJA FARIZA NURBAYA MUHAMMAD KEBERKESANAN PENGGUNAAN RAJAH POHON DALAM PEMBELAJARAN TATABAHASA

Anjuran



Dengan kerjasama



Keberkesanan Penggunaan Rajah Pohon dalam Pembelajaran Tatabahasa

Fariza Nurbaya Muhammad
Guru Cemerlang Bahasa Melayu
Sekolah Menengah Kebangsaan Putra
22200 Jerneh
Terengganu

Abstrak

Antara objektif sukatan pelajaran Bahasa Melayu Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia adalah untuk membolehkan pelajar menguasai dan menggunakan sistem bahasa Melayu dengan betul, sama ada dalam bidang fonologi, morfologi mahupun sintaksis. Pengajaran dan pembelajaran ilmu tatabahasa secara terperinci, terutama tentang morfologi dan sintaksis bukanlah suatu perkara yang boleh dianggap mudah. Hasil pembelajaran yang diharapkan sebagaimana yang terkandung dalam sukatan pelajaran, iaitu pelajar seharusnya dapat mengenal pasti dan mengkategorikan kata mengikut bentuk dan penggolongannya, membezakan jenis kata iaitu kata terbitan, kata ganda, kata majmuk dan mengenal pasti dan menganalisis binaan ayat sama ada ayat dasar atau ayat terbitan, menjadi satu cabaran yang besar kepada guru. Proses tersebut bukan sahaja menjadi masalah pelajar malah dihadapi oleh para guru, terutama untuk memahami pelajar. Oleh hal yang demikian pengajaran kedua-dua tajuk ini memerlukan kaedah dan teknik yang sesuai dan pelbagai. Analisis kata dan ayat menggunakan rajah pohon didapati mampu menyelesaikan masalah pembelajaran tatabahasa, lebih-lebih lagi jika digunakan dengan pendekatan yang mudah dan betul. Penulisan ini akan cuba untuk menerangkan langkah demi langkah yang boleh digunakan oleh guru dan pelajar dalam memahami dan mendalami bidang morfologi dan sintaksis bahasa Melayu.

Pendahuluan

Tujuan utama pengajaran tatabahasa adalah untuk membolehkan pelajar menguasai sistem bahasa dan seterusnya dapat diaplikasikan dalam pelbagai tujuan termasuklah menyampaikan buah fikir secara berkesan, teratur dan bersistem. Penguasaan tatabahasa membolehkan pengguna berinteraksi dengan orang sekeliling dengan baik, difahami dan memenuhi syarat penggunaan Bahasa Melayu Tinggi. Namun begitu, walau pengajian di peringkat mana sekalipun, pengajaran dan pembelajaran tatabahasa sering dianggap sebagai sesuatu yang amat membosankan, penuh dengan rumus-rumus dan perbincangan yang penuh dengan masalah salah betul penggunaan bahasa dan selalunya juga diabaikan oleh guru dan pelajar.

Di peringkat pengajian prauniversiti (tingkatan enam) pula terdapat banyak tanggapan guru yang salah terhadap teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran tatabahasa bahasa Melayu. Antara tanggapan tersebut ialah pelajar boleh mempelajarinya sendiri tanpa bantuan yang banyak daripada pihak guru, Unsur keseronokan belajar tidak perlu ditekankan kerana yang lebih penting ialah menyampaikan sebanyak mungkin ilmu dan rumus tatabahasa dan banyak lagi. Terdapat juga guru yang membiarkan pelajar mempelajari tatabahasa tanpa bantuan dan panduan daripada mereka dengan menyerahkan kitab-kitab pegangan tatabahasa bahasa Melayu untuk dibaca dan difahami oleh pelajar tanpa bimbingan guru.

Sebagai guru, penguasaan ilmu bahasa dan kemahiran berbahasa adalah sangat penting dalam menyampaikan isi pelajaran agar proses pencairan ilmu berlaku dengan baik dan lancar. Guru sendiri mestilah memastikan mereka mempunyai pengetahuan yang luas dan menguasai rumus tatabahasa kerana sekiranya guru sendiri masih

teraba-raba, mana mungkin mereka dapat menyampaikan ilmu bahasa dengan berkesan dan difahami oleh pelajar. Terdapat juga guru yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran berbahasa yang luas tetapi tidak mempunyai kaedah dan strategi yang sesuai untuk memudahkan pelajar memahami dan menguasai sesuatu aspek bahasa tersebut. Maka, akan wujudlah suasana pembelajaran yang hambar dan tidak menyeronokkan yang akhirnya merencatkan matlamat dan objektif sukatan pelajaran seperti yang diharap-harapkan. Oleh hal yang demikian itu, guru bahasa perlu merancang teknik dan kaedah yang sesuai dan menarik dalam pengajaran dan pembelajaran tatabahasa. Analisis 'kata' dan ayat dengan menggunakan rajah pohon jika digunakan dengan berkesan dan terbimbing akan memudahkan pelajar menguasai aspek tatabahasa bahasa Melayu.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)

Matlamat sukatan pelajaran ini adalah untuk:

1. melahirkan pelajar yang dapat berbahasa Melayu dengan cekap dan berupaya untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi;
2. menghasilkan lulusan bahasa Melayu yang berdaya saing dan dapat memenuhi keperluan pasaran kerja;
3. mengukuhkan rasa sayang akan bahasa Melayu dan berbangga menggunakannya.

Objektif sukatan pelajaran ini adalah untuk membolehkan pelajar:

1. memahami sejarah, kekeluargaan, dan perkembangan bahasa Melayu;
2. menguasai dan menggunakan sistem bahasa Melayu dengan betul;
3. memahami, menginterpretasi, dan mengulas kandungan bahan bacaan tentang pelbagai bidang;
4. memahami wacana, retorik, variasi, dan laras bahasa dengan betul, dan dapat menggunakannya dengan berkesan;
5. memahami, memilih, dan menggunakan kosa kata mengikut konteks, dan dengan gaya yang sesuai;
6. mengungkapkan fikiran dengan menggunakan bahasa yang betul, baik, dan berkesan, sama ada secara lisan atau tulisan;
7. mengembangkan sesuatu idea secara tersusun, padat, dan meyakinkan, sama ada secara lisan atau tulisan;
8. mengenal pasti kesalahan bahasa, menjelaskan sebab kesalahan, dan membetulkannya;
9. menguasai kemahiran insaniah (seperti kerja secara berkumpulan, kepemimpinan, keupayaan menyelesaikan masalah, keterampilan berkomunikasi, dan lain-lain) dalam konteks penggunaan bahasa.

Antara hasil pembelajaran yang diharapkan dalam pengajaran dan pembelajaran morfologi bahasa Melayu sebagaimana yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) ialah calon seharusnya dapat:

1. mengenal pasti dan mengkategorikan kata mengikut bentuknya;
2. menganalisis bentuk kata;
3. membezakan jenis kata terbitan, kata ganda, dan kata majmuk;
4. mengenal pasti golongan kata;
5. mengkategorikan kata mengikut golongan dan jenisnya;
6. menggunakan kata daripada pelbagai golongan dengan betul mengikut konteks;
7. mengenal pasti jenis kata majmuk;
8. menganalisis binaan kata;

9. membina perkataan berdasarkan proses morfologi yang betul;
10. mengenal pasti akronim dan jenisnya.

Untuk bahagian sintaksis pula, hasil pembelajaran yang diharapkan ialah calon seharusnya dapat:

1. mengenal pasti ciri-ciri ayat dasar dan rumusnya;
2. membezakan ayat dasar dengan ayat tunggal;
3. membina ayat dasar berdasarkan pola tertentu;
4. menganalisis binaan ayat dasar;
5. mengenal pasti susunan konstituen ayat;
6. menukarkan ayat susunan biasa kepada susunan songsang atau sebaliknya;
7. menganalisis binaan ayat;
8. mengenal pasti ayat aktif dan ayat pasif;
9. menukarkan ayat aktif kepada ayat pasif dan sebaliknya;
10. membezakan jenis ayat aktif transitif dengan ayat aktif tak transitif;
11. mengkategorikan jenis ayat aktif tak transitif;
12. membezakan jenis dan binaan ayat pasif;
13. membina ayat aktif dan pasif dengan betul.
14. menjelaskan konsep ayat terbitan;
15. mengenal pasti proses penerbitan ayat;
16. menganalisis ayat terbitan;
17. menganalisis dan membina ayat berdasarkan rajah pohon;
18. membina ayat terbitan mengikut proses yang betul.

Jika kita melihat senarai hasil pembelajaran yang diharapkan dalam sukatan pelajaran di atas, mengikut taksonomi Bloom, kemahiran berfikir yang perlu diterapkan kepada pelajar bukan sahaja melibatkan kemahiran berfikir aras rendah seperti pengetahuan dan kefahaman tetapi banyak melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi yang melibatkan proses membuat aplikasi, analisis, sintesis, dan penilaian.

Dalam mengajarkan rumus dan hukum bahasa kepada pelajar, guru-guru perlu memilih teknik dan kaedah pengajaran yang menarik dan berkesan. Pengajaran tatabahasa boleh dipelbagaikan, sama ada diajar secara penggabungjalinan dengan kemahiran-kemahiran berbahasa yang lain seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis atau pengajaran tatabahasa secara langsung. Melalui penggabungjalinan, pelajar akan belajar dan menguasai tatabahasa secara tidak langsung melalui aktiviti-aktiviti dan kemahiran yang menarik, memikat dan tidak membosankan. Strategi pengajaran juga mestilah berpusatkan murid dengan panduan dan bimbingan daripada guru.

Pada peringkat prauniversiti, pelajar akan dapat menyelesaikan masalah tatabahasa sekiranya mereka didedahkan dengan proses memahami dan menganalisis maklumat dan seterusnya membuat generalisasi dengan mengingat dan mencipta formula bagi meningkatkan pemahaman mereka tentang aspek tatabahasa terutama yang berkaitan dengan morfologi dan sintaksis. Oleh sebab kebanyakan buku yang menjadi rujukan utama untuk mata pelajaran Bahasa Melayu STPM tidak mempunyai latihan yang berkaitan dengan tajuk yang dipelajari, kebanyakan guru memilih untuk menggunakan soalan-soalan peperiksaan lepas sebagai bahan latihan tubi dan bahan pengajaran. Walaupun kaedah ini tidak salah tetapi guru perlu mempelbagaikan kaedah dan strategi agar P&P menjadi lebih menarik, dapat difahami oleh pelajar dan tidak terlalu kelihatan berorientasikan peperiksaan.

Analisis Ayat Menggunakan Rajah Pohon

Konsep ayat

Ayat ialah unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap. Ayat boleh terbentuk daripada satu perkataan atau susunan beberapa perkataan yang pengucapannya dimulakan dan diakhiri dengan kesenyapan, serta mengandungi intonasi yang sempurna. (Tatabahasa Dewan, 2008).

Setiap bahasa mempunyai jumlah ayat yang tidak terhad bilangannya. Namun demikian, daripada bilangan yang tidak terhad itu, ayat-ayat tersebut sebenarnya terbahagi kepada hanya dua golongan, iaitu ayat dasar dan satu lagi ialah ayat terbitan. Proses penerbitan ayat dalam bahasa Melayu berlaku melalui proses seperti peluasan, pengguguran, atau penyusunan semula unsur-unsur yang terkandung dalam sesuatu ayat dasar. Proses yang berlaku ini dapat dikesan dengan mudah melalui analisis ayat menggunakan rajah pohon ini.

Konsep analisis ayat

Analisis ayat bermaksud huraian terhadap unsur-unsur yang membina sesuatu ayat iaitu konstituen yang membentuk subjek dan konstituen yang membentuk predikat sama ada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif atau frasa sendi nama. Secara mudah, dalam menganalisis binaan ayat biasanya kita menggunakan tanda [] atau tanda / untuk membezakan antara binaan subjek (S) dan predikat (P), contohnya:

[Emak saya] / [ke pasar pagi tadi]
S P

Tetapi, bagaimana pula caranya untuk menganalisis dan menentukan frasa yang membina sesuatu subjek atau predikat dan golongan kata yang membina sesuatu frasa tersebut? Kaedah analisis ayat menggunakan rajah pohon diharapkan dapat menyelesaikan masalah ini kerana sama ada pelajar mahu atau tidak, mereka perlu menguasai aspek tersebut secara terperinci bukan sahaja untuk tujuan peperiksaan, tetapi juga untuk keperluan berbahasa mereka.

Rajah Pohon

Bagi memudahkan proses menganalisis ayat, bentuk-bentuk singkatan digunakan dan perkara ini tidak akan membebankan pelajar jika didedahkan daripada awal lagi. Antara singkatan yang lazim digunakan ialah;

A	=	ayat
S	=	subjek
P	=	predikat
FN	=	frasa nama
FK	=	frasa kerja
FA	=	frasa adjektif
FS	=	frasa sendi nama
KN	=	kata nama
KKTr	=	kata kerja transitif
KKTtr	=	kata kerja tak transitif
KA	=	kata adjektif
KB	=	kata bantu
KPeng	=	kata penguat
O	=	objek
Pel	=	pelengkap

Pen	=	penerang
KHub	=	kata hubung
KSn	=	kata sendi nama
KPem	=	kata pemer
Ø	=	pengguguran

Cadangan Aktiviti P&P

Antara kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar sebagaimana yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu STPM ialah membezakan ayat dasar dengan ayat tunggal, menganalisis binaan ayat dasar, mengenal pasti susunan konstituen ayat, menganalisis binaan ayat, membezakan jenis ayat aktif transitif dengan ayat aktif tak transitif, mengenal pasti dan menganalisis ayat terbitan, menganalisis dan membina ayat berdasarkan rajah pohon dan lain-lain.

Untuk memastikan setiap kemahiran di atas boleh dikuasai oleh pelajar, tugas utama guru ialah menyampaikan maklumat tersebut dengan berkesan dengan menggunakan teknik dan kaedah yang sesuai, sama ada melalui kuliah, teknik sumbangsaran, permainan bahasa, teknik inkuiri, kuiz, perbincangan, kerja projek, tugasan berkumpulan, pembentangan dan sebagainya.

Penggunaan bahan bantu belajar juga boleh dipelbagaikan, sama ada menggunakan keratan akhbar, penggunaan bahasa dalam puisi Melayu lama, lagu, buku-buku cerita kanak-kanak dan bahan-bahan lain yang difikirkan sesuai dan dapat memahamkan pelajar tentang konsep-konsep di atas.

Sebelum pelajar melakukan proses analisis, perkara-perkara berikut perlu difahami dengan betul oleh pelajar iaitu;

Pola ayat: FN+FN, FN+FK, FN+FA, FN+FS
Susunan: Susunan biasa, songsang
Jenis ayat: Ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah, ayat seruan
Ragam ayat: Ayat aktif, ayat pasif
Golongan ayat: Ayat dasar, ayat terbitan
Bentuk ayat: Ayat tunggal, ayat majmuk
Proses penerbitan ayat: Pengguguran, peluasan, penyusunan semula

Aktiviti 1


Guru mengedarkan kertas edaran yang mengandungi ayat-ayat dan meminta pelajar-pelajar menganalisis ayat tersebut setelah guru memberikan huraian dan contoh. Gerak kerja boleh dibuat secara berkumpulan dan setiap kumpulan diberikan kertas sebak dan alat tulis yang sesuai untuk pembentangan setelah selesai perbincangan dalam kumpulan dibuat. Pelajar boleh menggunakan buku Tatabahasa Dewan atau buku-buku lain sebagai bahan rujukan. Contoh ayat 1:

Rumahnya sungguh besar sekali.

Semasa perbincangan, pelajar-pelajar dikehendaki menganalisis ayat di atas mengikut kumpulan berikut:


Pola ayat: FN+FA
Susunan: Susunan biasa
Jenis ayat: Ayat penyata
Ragam ayat: Ayat aktif
Golongan ayat: Ayat dasar
Bentuk ayat: Ayat tunggal
Proses penerbitan ayat: Pengguguran, peluasan, penyusunan semula

Contoh analisis menggunakan rajah pohon:




Contoh ayat 2: Affandi dan Hasan berkelah di pantai.

Analisis 1:



Analisis 2:



Guru juga boleh menyerahkan tugas menganalisis bahagian-bahagian lain yang terdapat dalam ayat di atas kepada kumpulan lain.

Ayat: Affandi dan Hasan berkelah di pantai.

Pola ayat dasar:

Affandi berkelah di pantai. (FN+FK)

Hasan berkelah di pantai. (FN+FK)

Susunan: Susunan biasa

Jenis ayat: Ayat penyata

Ragam ayat: Ayat aktif

Golongan ayat: Ayat terbitan


Bentuk ayat: Ayat majmuk gabungan

Proses penerbitan ayat: Pengguguran predikat yang sama dan peluasan melalui penggunaan kata hubung gabungan

Ayat 3: Mereka tidak datang kerana tidak mendapat cuti.



Mereka tidak datang kerana tidak mendapat cuti.



Tugas guru ialah membimbing dan menjadi pemudah cara ketika proses perbincangan berlangsung. Buku-buku rujukan tatabahasa digunakan untuk memahami pelajar. Pelajar-pelajar juga digalakkan untuk membuat catatan dan nota semasa perbincangan berlangsung.

Mereka tidak datang kerana tidak mendapat cuti.

Pola ayat:

Mereka tidak datang. (FN+FK)

Mereka tidak mendapat cuti. (FN+FK)

Susunan: Susunan biasa

Jenis ayat: Ayat penyata

Ragam ayat: Ayat aktif

Golongan ayat: Ayat terbitan

Bentuk ayat: Ayat majmuk keterangan musabab

Proses penerbitan ayat: Pengguguran subjek yang sama (mereka) dan proses peluasan melalui penggunaan kata hubung pancangan keterangan musabab (kerana)

Aktiviti 2

Analisis Menggunakan Bahan Puisi

Guru juga boleh mempelbagaikan bahan analisis dengan menggunakan bahan daripada puisi Melayu lama seperti pantun, syair, seloka dan sebagainya. Contoh pantun:

Puisi 1:

Pulau Pandan jauh ke tengah;
Gunung Daik bercabang tiga,
Hancur badan dikandung tanah;
Budi yang baik dikenang juga.

Ayat	Binaan ayat		Analisis ayat
	S	P	
Pulau Pandan jauh ke tengah	Pulau Pandan	jauh ke tengah	Ayat penyata, susunan biasa, ayat aktif, ayat dasar, ayat tunggal
Gunung Daik bercabang tiga	Gunung Daik	bercabang tiga	Ayat penyata, susunan biasa, ayat aktif, ayat dasar, ayat tunggal
Hancur badan dikandung tanah	Badan	hancur dikandung tanah	Ayat pasif, ayat terbitan, ayat majmuk, mengalami pengguguran, peluasan, penyusunan semula
Budi yang baik dikenang juga	Orang mengenang	Budi yang baik	Ayat pasif, ayat terbitan, ayat majmuk, mengalami pengguguran, peluasan, penyusunan semula

Setelah setiap ayat di atas dianalisis, guru memberikan tugas kepada pelajar untuk membina rajah pohon bagi setiap baris puisi di atas, sama ada dilakukan secara individu atau secara berkumpulan.

Puisi 2: Seloka Emak Si Randang

Baik budi emak Si Randang,
Dagang lalu ditanakkan,
Tiada kayu rumah diruntuhkan,
Anak pulang kelaparan,
Anak di pangku diletakkan,
Kera di hutan disusui,
Dagang pergi awak terhutang,
Beras habis padi tak jadi.

Sebagaimana tugas untuk menganalisis bahasa dalaman puisi sebelum ini, pelbagai aktiviti boleh dilaksanakan. Guru boleh meminta pelajar membincangkan maksud puisi, melagukan seloka dengan pengucapan yang menarik atau guru juga boleh meminta pelajar menganalisis puisi di atas melalui aspek-aspek berikut:

Ayat	Binaan ayat		Analisis ayat
	S	P	
Baik budi emak Si Randang,	Emak Si Randang	baik budi	Pola ayat dasar: FN+FA, ayat penyata, susunan songsang, ayat aktif, ayat tunggal
Dagang lalu ditanakkan,	Emak si Randang,	menanak nasi untuk orang dagang yang lalu.	Ayat pasif, ayat dasar: FN+FK, ayat majmuk
Tiada kayu rumah diruntuhkan,	Emak Si Randang	1.tiada kayu 2.meruntuhkan rumah	Ayat pasif, ayat terbitan, ayat majmuk, mengalami pengguguran, peluasan, penyusunan semula
Anak pulang kelaparan,	Anak	1. pulang 2. kelaparan	Pola ayat dasar: FN+FK, ayat terbitan, ayat majmuk, mengalami pengguguran, peluasan
Anak di pangku(an) diletakkan,	Emak Si Randang	meletakkan anak di pangkuan	Ayat pasif, pola ayat dasar: FN+FK
Kera di hutan disusui,	Emak Si Randang	menyusui kera di hutan	Ayat pasif, pola ayat dasar: FN+FK, ayat terbitan, ayat tunggal
Dagang pergi awak terhutang,	Dagang Awak	pergi. terhutang.	Ayat terbitan, ayat majmuk, pola ayat dasar: FN+FK
Beras habis padi tak jadi.	Beras Padi	habis. tak jadi.	Ayat terbitan, ayat majmuk, pola ayat dasar: FN+FK

Tugas di atas sebenarnya agak rumit jika guru sendiri tidak menguasai konsep analisis ayat dengan baik. Setelah setiap ayat di atas dianalisis, guru memberikan tugas kepada pelajar untuk membina rajah pohon bagi setiap baris puisi di atas. Pelbagai bahan puisi yang lain boleh dimanfaatkan oleh guru, antaranya lagu kebangsaan Negaraku, lagu-lagu negeri, lagu sekolah atau lagu-lagu moden yang mempunyai lirik yang baik dan membina. Guru juga boleh menyerahkan tugas memilih bahan untuk analisis kepada pelajar sendiri sebagai tugas kumpulan atau kerja projek. Aktiviti pembelajaran berasaskan masalah lebih berkesan kerana guru membawa pelajar terlibat secara aktif untuk bersama-sama menyelesaikan masalah yang terdapat dalam tatabahasa.

Aktiviti 3

Analisis Ayat Menggunakan Soalan-soalan Peperiksaan yang Lepas

Bentuk peperiksaan untuk Bahasa Melayu STPM terbahagi kepada 2 bahagian iaitu bentuk soalan objektif dengan 4 pilihan jawapan dan soalan esei yang merangkumi penulisan karangan, merumus, alih bentuk teks dan analisis kesalahan bahasa. Jika aspek analisis ayat dapat dikuasai oleh pelajar, secara tidak langsung masalah kesalahan tatabahasa seperti ayat tergantung (tiada subjek/predikat), kesalahan frasa, sendi nama dan sebagainya tidak akan berlaku ketika menulis karangan, rumusan atau alih bentuk teks. Pelajar juga dapat menjawab soalan analisis kesalahan bahasa dengan baik.

Salah satu bahan yang paling mudah didapati dan kerap digunakan oleh guru kelas prauniversiti untuk mengajarkan tatabahasa ialah soalan-soalan peperiksaan awam yang lepas. Hal ini demikian kerana penggunaan soalan peperiksaan yang lepas memberikan pendedahan kepada pelajar tentang bentuk sebenar dan format soalan yang dikemukakan dalam peperiksaan. Tambahan pula, pembinaan item soalan tersebut biasanya telah diakui ketepatannya dan memenuhi konsep keesahan dan kebolehpercayaan.

Guru boleh mengedarkan soalan-soalan peperiksaan tersebut kepada pelajar untuk dijawab dan dibincangkan secara umum di dalam kelas. Aktiviti perbincangan secara berkumpulan diadakan dan hasil perbincangan dibentangkan di hadapan kelas. Soalan-soalan ini biasanya digunakan setelah guru selesai menerangkan sesuatu konsep atau tajuk dalam tatabahasa. Bahan-bahan ini juga boleh digunakan untuk aktiviti lanjutan termasuklah untuk pengayaan.

Contoh soalan 1:

Yang manakah ayat yang **tidak** mengalami proses pengguguran?

- A Encik Jamil bukan pemain badminton tetapi pemain tenis.
- B Sambil belajar di universiti itu, dia bekerja di sebuah restoran.
- C Membaca dan bersukan dapat mengisi masa lapang seseorang.
- D Encik Helmi berjaya dalam perniagaannya walaupun beliau tidak berpengalaman.

(Soalan Bahasa Melayu Kertas 1 STPM, tahun 2009)

Contoh soalan 2: Yang manakah bukan ayat terbitan?

- A Buah rambutan datuk telah ranum.
- B Saudara tunggulah kedatangannya di pejabat.
- C Bungkus hadiah itu diterima pagi semalam.
- D Hantar borang penyertaan kepada pihak urus setia.

(Soalan Bahasa Melayu Kertas 1 STPM, tahun 2010)

Guru-guru boleh meminta pelajar menganalisis setiap pilihan jawapan yang terdapat dalam soalan-soalan di atas sama ada dengan menggunakan analisis rajah pohon atau menggunakan jadual sebagaimana di bawah:

Ayat	Binaan ayat		Analisis ayat
	S	P	
Encik Jamil bukan pemain badminton tetapi pemain tenis	Encik Jamil	-bukan pemain badminton -pemain tenis	Pola ayat dasar: FN+FN, susunan biasa, ayat aktif, ayat majmuk gabungan, proses peluasan, pengguguran
Sambil belajar di universiti itu, dia bekerja di sebuah restoran.	Dia	-bekerja di universiti itu -bekerja di sebuah restoran	Pola ayat dasar: FN+FK, ayat majmuk, susunan songsang, ayat majmuk sabungan, proses peluasan, penyusunan semula, pengguguran
Membaca dan bersukan dapat mengisi masa lapang seseorang.	-Aktiviti membaca -Aktiviti bersukan	dapat mengisi masa lapang seseorang.	Ayat aktif, ayat terbitan, ayat majmuk, mengalami pengguguran dan peluasan
Encik Helmi berjaya dalam	-Encik Helmi	-berjaya dalam	Pola ayat dasar: FN+FK,

perniagaannya walaupun beliau tidak berpengalaman	-Beliau	perniagaannya. -tidak berpengalaman	ayat terbitan, ayat majmuk, mengalami proses peluasan
Buah rambutan datuk telah ranum.	Buah rambutan datuk	telah ranum	Pola ayat dasar: FN+FA, ayat aktif, ayat penyata, ayat tunggal
Saudara tunggulah kedatangannya di pejabat.	Saudara	tunggulah kedatangannya di pejabat.	Ayat terbitan, ayat tunggal, ayat suruhan
Bungkusan hadiah itu diterima pagi semalam.	Dia	menerima bungkusan hadiah itu pagi semalam	Ayat terbitan, ayat tunggal, ayat pasif, pola ayat dasar: FN+FK
Hantar borang penyertaan kepada pihak urus setia.	Awak	menghantar borang penyertaan kepada urus setia.	Ayat terbitan, ayat tunggal, ayat suruhan

Soalan 3:

Kata bantu + kata kerja tak transitif + keterangan

Ayat yang manakah yang mengandungi binaan predikat di atas?

- A Dia sekeluarga masih di Johor Bahru.
 - B Kakak ingin menjadi usahawan yang berjaya.
 - C Budak-budak itu sedang tidur di anjung rumah.
 - D Pelajar itu sedang mengulang kaji pelajarannya.
- (Soalan Bahasa Melayu Kertas 1 STPM, tahun 2010)

Selain daripada menganalisis ayat dan binaan predikat dalam ayat-ayat di atas, guru juga boleh meminta pelajar mengenal pasti golongan kata dan bentuk kata dalam pilihan jawapan soalan di atas. Contoh jawapan/ analisis:

	Kakak	ingin	menjadi	usahawan	yang	berjaya
Golongan/ jenis kata	Kata nama	Kata bantu ragam	Kata kerja tak transitif	Kata nama (pelengkap)	Kata tugas - relatif	Kata adjektif
Bentuk kata	Kata tunggal	Kata tunggal	Kata terbitan	Kata terbitan	Kata tunggal	Kata terbitan

	Budak-budak itu	sedang	tidur	di	anjung rumah
Golongan/ jenis kata	Kata nama	Kata bantu aspek	Kata kerja tak transitif	Kata sendi nama	Kata nama
Bentuk kata	Kata ganda	Kata tunggal	Kata tunggal	Kata tunggal	Kata majmuk

	Pelajar	itu	sedang	mengulang kaji	pelajaran	nya
Golongan/ jenis kata	Kata nama	Kata nama	Kata bantu aspek	Kata kerja	Kata nama	Kata nama
Bentuk kata	Kata terbitan	Kata tunggal	Kata tunggal	Kata majmuk	Kata terbitan	Kata ganti nama di ke-3

Penerapan Pembelajaran Aktif dan Memikat dalam Pengajaran Tatabahasa

Bagi menambahkan unsur keseronokan dan pengajaran yang memikat dalam P&P, guru juga boleh menggunakan teknik permainan bahasa dalam menganalisis ayat melalui rajah pohon ini. Guru menyediakan kad-kad imbasan yang mempunyai pelbagai warna yang tertulis pada setiap kad tersebut dengan golongan kata, binaan frasa atau binaan ayat. Kad-kad ini boleh digunakan untuk permainan suai padan, mencantumkan, melabel atau menyusun rajah pohon. Contoh kad imbasan:

SUBJEK	PREDIKAT	FRASA NAMA	FRASA KERJA
FRASA ADJEKTIF	FRASA SENDI NAMA	KATA KERJA TRANSITIF	KATA KERJA TAK TRANSITIF
PELENGKAP	OBJEK	OBJEK TEPAT	OBJEK SIPI
KATA BANTU RAGAM	KATA HUBUNG GABUNGAN	KATA HUBUNG RELATIF	KATA KOMPLEMEN
KATA SENDI NAMA	KATA PENGUAT	KATA PEMERI	KATA BANTU ASPEK
PENERANG	KATA NAFI	KATA BILANGAN	KATA NAMA
KATA ADJEKTIF	KATA GANTI NAMA	KATA ARAH	KATA TANYA

Dengan penggunaan teknik permainan bahasa ini diharapkan akan menghilangkan rasa bosan pelajar dalam mempelajari tatabahasa.

Selain itu, surat khabar, majalah, petikan rencana, cerpen, iklan, kartun dan sebagainya boleh juga digunakan untuk tujuan menganalisis ayat dan menganalisis bentuk kata. Bahan-bahan tersebut boleh digabungkan untuk pengajaran pemahaman teks, menganalisis kesalahan bahasa dan mengalih bentuk teks daripada laras sastera atau iklan kepada laras biasa. Pemahaman mereka tentang struktur ayat akan membantu pelajar untuk menghasilkan karangan yang memenuhi ciri wacana dengan menggunakan ayat yang tepat dan gramatis.

Untuk mewujudkan keseronokan, guru boleh memasukkan aktiviti lakonan dan dialog terutama dalam mengesan jenis ayat seperti ayat tanya, ayat penyata, ayat seruan, ayat permintaan melalui penggunaan intonasi dan kata. Pelajar juga boleh menukar struktur ayat, membina ayat dasar daripada ayat majmuk dan ayat terbitan atau melakukan aktiviti suai padan antara subjek dan predikat. Secara mudah, pengajaran tatabahasa memerlukan kepelbagaian kaedah dan teknik untuk menarik minat dan merangsang pelajar menguasainya tanpa berasa tertekan atau terpaksa.

Cabaran/ Kekangan Pengajaran Tatabahasa Menggunakan Rajah Pohon

1. Buku Tatabahasa Dewan dan buku-buku rujukan tatabahasa yang dijadikan pegangan dalam mengajarkan tatabahasa di sekolah-sekolah tidak mengandungi contoh-contoh latihan, maka guru perlu menggunakan kebijaksanaan dan pengalaman mereka untuk memanfaatkan buku rujukan tatabahasa ini secara berkesan.
2. Tahap penguasaan pelajar yang berbeza-beza di dalam sesebuah kelas akan menimbulkan masalah kepada guru terutama dalam penyediaan bahan bantu

- belajar. Jadi, guru perlu menyediakan bahan yang sesuai, daripada yang mudah, sederhana dan sukar mengikut keupayaan kumpulan pelajar.
3. Guru mata pelajaran bahasa Melayu sendiri tidak menguasai sistem bahasa Melayu dengan baik. Pengetahuan yang mendalam dalam sesuatu bidang ilmu akan membantu guru untuk melaksanakan proses P&P dengan lebih yakin dan terancang.
 4. Peralatan/ perisian teknologi maklumat dan komunikasi tidak digunakan sepenuhnya oleh guru bahasa dalam pengajaran bahasa Melayu dan tatabahasa.

Kesimpulan

Cadangan aktiviti di atas diharapkan dapat memandu guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran tatabahasa secara berkesan dan mencapai objektif. Aktiviti yang dilaksanakan akan menggalakkan pelajar berkongsi pendapat, bekerjasama dan menyelesaikan masalah secara kolektif. Pelajar yang lemah dapat dibantu oleh ahli kumpulan yang lain. Walaupun aktiviti di atas lebih sesuai untuk diterapkan kepada pelajar tingkatan enam, guru juga boleh mengubah suai kaedah di atas untuk digunakan kepada pelajar-pelajar daripada tahap dan tingkatan yang lain juga. Pembelajaran secara akses sendiri dan inkuiri penemuan menyebabkan pelajar terlibat secara aktif dan lebih bertanggungjawab terhadap perkembangan pembelajaran mereka.

Pengalaman ialah guru terbaik. Masalah dan halangan yang berlaku dalam melaksanakan P&P yang berkesan tidak semestinya dapat diselesaikan melalui pengetahuan tentang teori, teknik dan kaedah pedagogi yang telah dipelajari oleh guru selama ini. Pengalaman guru berdepan dan menyelesaikan masalah pembelajaran dan kumpulan pelajar yang berbeza saban tahun menjadi pedoman kepada guru dan pengalaman tersebut tidak dimiliki oleh semua guru. Kebolehan guru mencari jalan penyelesaian dan kaedah terbaik memerlukan guru yang komited dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap profesionalisme mereka sama ada melalui program-program peningkatan ilmu, kursus, seminar dan perbincangan profesional, tetapi juga melalui amalan membaca. Ajarilah anak-anak kita dengan ilmu yang sezaman dengan mereka, dengan menggunakan kaedah dan teknik yang juga sezaman dengan mereka.

Rujukan

- Nik Safiah Karim, 2007, *Liku-liku Bahasa Ke Arah Penggunaan Bahasa Yang Baik, Betul dan Indah*, Cerdik Publications Sdn Bhd.
- Abdullah Hassan, 2008, *Tatabahasa Pedagogi Untuk Sekolah Menengah*, PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Abdullah Hassan, *Harga Remaja*, 2009, Antologi Teks Komponen Sastera Dalam Mata pelajaran Bahasa Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim [et al.], 2008, *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim [et al.], *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia*, 2012, Majlis Peperiksaan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim [et al.], *Modul Bahasa Melayu Kertas 1 Kem Elit STPM*, AKRAM Jabatan Pelajaran Terengganu 2011.